

Paluan gendang silat

Shamsudin Baharom (kiri) menunjukkan asas memainkan gendang silat kepada pelajar **Mohd Ikmal Hakim Saufi**, 9, ketika mengendalikan kelas gendang silat anjuran **Rakan Muda Kuantan** dengan kerjasama **Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia** (Pesaka) Kuantan di Dewan Mat Kilau di sini, semalam. Turut sama Setiausaha Pesaka Kuantan, **Alhanif Abu Bakar** (kanan).



BERNAMA

Kes demam misteri disah Chikungunya

B-4 22/7/02 MS 22

Empat daripada 100 rumah ada sarang Aedes

Oleh Nurhasyima Hasim
nurhasyima@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: 'Demam misteri' atau demam sendi yang melanda penduduk sekitar Slim River, Perak sejak beberapa bulan lalu disahkan demam Chikungunya dengan setakat ini hanya 20 kes dilaporkan dan bukan 50 kes seperti yang didakwa sebelum ini.

Pengarah Bahagian Kawalan Penyakit, Kementerian Kesihatan, Datuk Dr Hasan Abdul Rahman, berkata Chikungunya mempunyai gejala klinikal seperti demam denggi iaitu demam panas mengejut dan berlarutan hingga

seminggu, sakit sendi teruk, ruam dan sakit kepala.

Beliau berkata, daripada 107 orang yang diperiksa di daerah itu, 20 disyaki menghidap penyakit berkenaan tetapi ujian darah yang dilakukan mengesahkan hanya enam pesakit dijangkiti demam Chikungunya.

"Daripada 20 pesakit, lapan dikesan melalui pemeriksaan doktor, manakala bakiunya diketahui melalui siasatan kementerian di tiga kampung di Slim River.

"Kes pertama dilaporkan di Kampung Rasau pada 17 Julai lepas," katanya semalam.

Hasan berkata, hasil pemeriksaan dan siasatan kementerian di hampir 1,000 rumah

“**“** Semua pesakit diberi rawatan pesakit luar kecuali seorang dimasukkan ke hospital kerana turut mengalami darah tinggi”

Dr Hasan Abdul Rahman
Pengarah Bahagian Kawalan Penyakit, Kementerian Kesihatan

mendapati empat daripada setiap 100 rumah menjadi sarang pembiakan Aedes.

“Penyemburan asap kabus

dilakukan di 1,500 rumah dan 32 pemilik rumah dikompaun kerana tidak mempedulikan kebersihan hingga menyumbang pembiakan Aedes yang serius,” katanya.

Mengulas penyakit sebanar gagal dikenal pasti awal walaupun ujian darah dilakukan, Hasan menjelaskan, ia mungkin disebabkan pesakit masih pada peringkat awal hingga ujian darah yang juga mengesan tahap antibodi pesakit, tidak menunjukkan keputusan positif.

“Proses tubuh mengeluarkan antibodi bagi melawan penyakit mengambil masa lima hingga tujuh hari selepas dijangkiti penyakit,” katanya.